



PERTANDINGAN VIDEO PENDEK / LAPORAN AKTIVITI MINGGU SAINS NEGARA PERINGKAT SEKOLAH SEMENA MINGGU SAINS NEGARA 2019

SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN

1.0 PENYERTAAN

1.1 Penyertaan adalah terbuka kepada semua sekolah di Malaysia

2.0 FORMAT PERTANDINGAN

2.1 Setiap penyertaan mestilah menepati tema yang diberikan iaitu “**SAINS UNTUK KESEJAHTERAAN**”.

2.2 Penyertaan video pendek /laporan perlu disertakan Tajuk , Nama Sekolah dan Kod Sekolah

2.3 Penyertaan adalah dibenarkan dalam Bahasa Malaysia sahaja.

3.0 SYARAT PERTANDINGAN

3.1 Pertandingan bermula pada **1 April 2019 sehingga 31 Ogos 2019**.

3.2 Penyertaan hanya boleh dikemukakan oleh pihak sekolah melalui Guru atau melalui panitia yang berkaitan dengan sains dan teknologi.

3.3 Video yang dihasilkan mesti mengikut durasi yang ditetapkan iaitu tidak melebihi 5 minit termasuk kredit.

3.4 Setiap sekolah hanya boleh menghantar satu penyertaan sahaja.

3.5 Video pendek adalah merupakan hasil karya sendiri dan aktiviti yang dirakamkan adalah dilakukan sepanjang Minggu Sains Negara 2019.

- 3.6 Peserta mestilah menggunakan peralatan merakam sendiri sama ada menggunakan telefon pintar/perakam video untuk menghasilkan video di mana elemen lakonan atau unsur-unsur lain berdasarkan kreativiti masing-masing adalah dibenarkan.
- 3.7 Kos penyertaan pertandingan ditanggung oleh peserta.
- 3.8 Format video yang ditetapkan adalah mov, avid dan mp4 sahaja.
- 3.9 Logo Minggu Sains Negara sebagai salah satu montage dalam video tersebut. Kempen Hindari Plastik Sekali Guna juga sebagai salah satu kandungan video.
- 3.10 Aktiviti-aktiviti yang boleh dijalankan sepanjang Minggu Sains Negara adalah tidak terhad samada berbentuk pertandingan, kuiz, kesenian sains dan teknologi, sesi interaktif dan hands-on menggunakan modul pembelajaran sains sedia ada (silibus) atau internet dan lain-lain.
- 3.11 Aktiviti yang dijalankan perlu melibatkan sesi *engagement* guru dan murid. Contoh modul untuk *engagement* seperti di **Lampiran 1**.
- 3.12 Setiap penyertaan hendaklah dihantar melalui emel kepada urusetia Minggu Sains Negara: seksyenpembudayaan@mestec.gov.my
- 3.13 Bagi video bersaiz besar, anda bolehlah memuatnaik video tersebut di laman sesawang cloud seperti dropbox, dan link tersebut dinyatakan di dalam emel.

4.0 KRITERIA PENGHAKIMAN

- 4.1 Keseluruhan video / laporan yang dihantar oleh peserta akan dinilai mengikut kriteria dan pecahan skema pemarkahan yang berikut:

i) Aktiviti-aktiviti <i>engagement</i>	= 40 markah
ii) Bilangan pelajar yang terlibat	= 30 markah
iii) Kreativiti	= 20 markah
iv) Kesesuaian dengan tema	= 10 markah
	100 markah
- 4.2 Semua keputusan hakim adalah muktamad dan sebarang perbincangan atau surat-menyurat tidak akan dilayan.
- 4.3 Semua video/laporan penyertaan yang diterima oleh pihak Urusetia menjadi hakmilik Urusetia dan Urusetia boleh menggunakan video-video penyertaan tersebut untu apa-apa tujuan.

5.0 SENARAI HADIAH PEMENANG

5.1 Pemenang-pemenang akan menerima pengiktirafan seperti berikut:

- i) Hadiah Tempat Pertama – Ketiga = Hadiah Misteri dan Sijil Penghargaan
- ii) 5 hadiah saguhati = Sijil Penghargaan

6.0 PENOLAKAN PENYERTAAN

6.1 Urusetia berhak menolak sebarang penyertaan yang melanggar peraturan dan mengubah sebarang syarat yang dirasakan perlu dari masa ke semasa.

7.0 TARIKH TUTUP PENYERTAAN

7.1 Semua penyertaan hendaklah dikemukakan kepada pihak Urusetia selewat-lewatnya pada **31 Ogos 2019 sebelum jam 5.30 petang**.

7.2 Penyertaan yang diterima selepas tarikh penutupan akan ditolak.

8.0 PERTANYAAN

8.1 Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi Encik Muhammad Fauzi bin Samsubaha di talian 03-8885 8148 atau e-mel mfauzi@mestecc.gov.my.

**LAPORAN PROGRAM / AKTIVITI
MINGGU SAINS NEGARA 2019**

- 1.0 Nama Sekolah:
- 2.0 Kod Sekolah:
- 3.0 Nama Program/Aktiviti:
- 4.0 Tarikh Pelaksanaan:
- 5.0 Tempat:
- 6.0 Penyertaan:

NO	PENYERTAAN		
	PELAJAR		GURU
	LELAKI	PEREMPUAN	
1			
Jumlah			

- 7.0 Jadual Pengisian / Pelaksanaan Aktiviti
- 8.0 Gambar semasa pelaksanaan program
- 9.0 Video pendek kompilasi aktiviti-aktiviti yang dijalankan (durasi antara 3-5 minit).
- 10. Format laporan boleh dalam format PDF atau Microsoft Words
- 11. Penyertaan perlu dihantar kepada urus setia sebelum atau pada 31 Ogos 2019 sebelum jam 5.30 petang.